

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	5 APRIL 2015

Zahid enggan ulas kritikan bekas PM

Sinar Harian - 5/4/2015

KUALA LUMPUR - Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi hanya menjawab ringkas mengenai kritikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Ketika zaman beliau, beliau menuntut kesetiaan tidak berbelah bahagi daripada menteri, Ahli Majlis Tertinggi Umno dan ahli Umno.

"Ini komen saya 'and I reserve other comment' (saya simpan komen yang lain)," katanya pada sidang media selepas melancarkan kempen Belia Tolak Ekstremisme di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur, semalam.